

SEJARAH
KERTAS 1

1249/1

SEPTEMBER
1 jam**Satu jam**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2024**SEJARAH**
KERTAS 1**TINGKATAN 5**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU*Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan**Jawab **semua** soalan**Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C, dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang telah disediakan.**Sekiranya anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

- 1 Undang-undang Kutara Manawa telah diguna pakai di Kerajaan Alam Melayu. Apakah Kerajaan tersebut?
 - A Kerajaan Funan
 - B Kerajaan Srivijaya
 - C Kerajaan Majapahit
 - D Kerajaan Kedah Tua

- 2 Apakah tugas pembesar peringkat jajahan dalam Kesultanan Melayu Melaka?
 - A Mengekalkan keamanan kawasan pentadbiran
 - B Menguruskan hasil perbendaharaan
 - C Mengetuai permuafakatan
 - D Menasihati sultan

- 3 Mengapakah gerakan nasionalisme di Amerika yang berlaku pada tahun 1776 tercetus?
 - A Mempertahankan sistem pemerintahan demokrasi
 - B British tidak melindungi hak penduduk
 - C Menegakkan kedaulatan berparlimen
 - D Perkembangan fahaman anti-British

- 4 Kesusasteraan seperti novel, cerpen dan puisi merupakan wadah untuk mengungkapkan keperitan hidup bangsa yang dijajah serta penderitaan rakyat.



Apakah kepentingan penulisan kreatif seperti rajah di atas?

- A Menyeru ajaran Islam
 - B Memperkuat rasa persaudaraan antara rakyat
 - C Menggerakkan penentangan terhadap penjajah
 - D Mengingatkan anak bangsa tentang nikmat kebebasan
- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan kejayaan kepada Pakatan Bertiga dalam Perang Dunia Pertama.

Persidangan Damai Paris melahirkan Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson, iaitu cadangan Presiden Amerika Syarikat sebagai asas perdamaian.

Apakah prinsip utama deklarasi di atas?

- A Perjanjian pelucutan senjata.
 - B Memperjuangkan kedaulatan negara.
 - C Sempadan negara berasaskan bangsa.
 - D Penentuan nasib negara oleh raja sendiri.
- 6 Yang manakah **bukan** cabaran Liga Bangsa-Bangsa selepas Perang Dunia Pertama?
- A Krisis Habsyah
 - B Krisis Manchuria
 - C Krisis Rantau - Balkan
 - D Perjanjian Pelucutan Senjata

- 7 Siapakah bekas pegawai British yang turut menentang penubuhan Malayan Union?
- A John Locke
 - B George Maxwell
 - C Thomas Jefferson
 - D George Henry Hall
- 8 Penyerahan Sabah kepada kerajaan British telah dilakukan oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB) pada 26 Jun 1946.
Apakah impak penyerahan tersebut terhadap Sabah?
- A Kerjasama dengan British
 - B Kemunduran pentadbiran
 - C Sempadan negeri bertambah
 - D Sabah menjadi tanah jajahan
- 9 Gambar di bawah menunjukkan proses penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.



Apakah iktibar penubuhan Persekutuan tersebut?

- A Kerjasama bermuafakat
- B Tegas dan berpendirian
- C Bijak merancang strategi
- D Sentiasa bersabar dan tabah

10 Antara salah satu ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah status kewarganegaraan.

Yang manakah syarat kewarganegaraan secara pendaftaran?

- I Taat kepada Raja
- II Keturunan Melayu
- III Tiada rekod jenayah
- IV Tingkah laku yang baik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Bagaimanakah pembunuhan tiga orang pengurus ladang ketika pendudukan komunis membawa kesan besar ketika itu?

- Arthur Walker
- Ian Cristian
- John Allison

- A Republik Komunis di Tanah Melayu terbentuk
- B Pengisytiharan darurat dikuatkuasa
- C British meluaskan pengaruh
- D Berlaku kekosongan politik

12 British memperkasa pasukan keselamatan dalam usaha untuk menangani ancaman komunis. Apakah tugas Senoi Praaq atau Urang Perang?

- A Mengesan tempat persembunyian komunis di dalam hutan
- B Membanteras gerila komunis di dalam hutan
- C Mengawal ladang dan kawasan lombong
- D Ejen risikan komunis

- 13 Orang Melayu bersetuju memberikan kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu. Mengapakah orang Melayu bersetuju bertindak demikian?
- A Memelihara kestabilan politik
 - B Melahirkan semangat patriotik
 - C Mempertahankan hak peribumi
 - D Mewujudkan keharmonian kaum
- 14 Pada Oktober 1954, gabungan tiga parti politik berbeza kaum melengkapkan kerjasama yang diinginkan British. Apakah nama parti yang terlibat dalam kerjasama politik tersebut?
- A Perikatan Nasional
 - B Pakatan Harapan
 - C Parti Perikatan
 - D Parti Negara
- 15 Pernyataan berikut berkaitan dengan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu.

1950
Ordinan Pilihan raya Berkuasa Tempatan

- Apakah tujuan pembentukan Ordinan di atas?
- A Untuk mengurus pendaftaran pengundian pilihan raya
 - B Mengkaji dan membuat cadangan berkaitan pilihan raya
 - C Memberi pengalaman kepada rakyat mengendalikan pilihan raya
 - D Memberi kuasa kepada majlis tempatan mengadakan pilihan raya
- 16 Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk pada tahun 1955. Bagaimanakah kabinet pertama dibentuk?
- A Pelaksanaan Pilihan Raya Umum
 - B Akta Perundangan Persekutuan
 - C Pengenalan Suruhanjaya Reid
 - D Akta Penubuhan Parlimen

17 Kerajaan British telah mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Reid pada 8 Mac 1956. Suruhanjaya Reid memulakan tugasnya pada Jun 1956. Apakah peranan suruhanjaya tersebut?


- A Menyusun cadangan daripada Raja-raja di Tanah Melayu.
- B Merangka perlembagaan negara yang merdeka
- C Membincangkan kedudukan semua kaum
- D Melindungi kedudukan Ratu England

18 Apakah memorandum yang diterima daripada parti politik dan pihak awam?

- I Sistem pentadbiran
- II Soal kewarganegaraan
- III Bahasa dan pendidikan
- IV Agama dan kepercayaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19 Apakah perjuangan tokoh berikut terhadap pembebasan rakyat India?



Mahatma Gandhi

- A Penindasan kerajaan
- B Penindasan kasta
- C Persamaan kaum
- D Perbezaan kerja

- 20 Sebuah jawatankuasa ditubuhkan bertujuan menonjolkan identiti negara sebagai sebuah negara merdeka.

Jawatankuasa Persediaan Fizikal

Siapakah yang mencadangkan sebuah lagu kebangsaan dicipta sebagai lagu rasmi negara?

- A H.S. Lee
B Dato' Abdul Razak
C Yaacob Abdul Latiff
D Tunku Abdul Rahman
- 21 Apakah maksud Demokrasi Berparlimen?
- A Pemerintahan secara mutlak
B Pemerintahan secara warisan
C Pemerintahan secara realpolitik
D Pemerintahan melalui perwakilan
- 22 Maklumat berikut merupakan peranan rakyat dalam mempertahankan kedaulatan negara.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Memberikan maklumat tentang pencerobohan sempadan• Menganggotai pasukan keselamatan |
|--|

Apakah manfaat rakyat berbuat demikian?

- A Melicinkan pentadbiran negara
B Mengukuhkan kesejahteraan hidup
C Memantapkan pertahanan negara
D Meningkatkan kewibawaan pemimpin
- 23 Bagaimanakah kuasa eksekutif raja sebagai ketua negeri dilaksanakan?
- A Diperuntukkan oleh Yang di-Pertuan Agong
B Melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri
C Diputuskan oleh Menteri Besar
D Melaksanakan kuasa mutlak

- 24 Perlembagaan Malaysia telah mewujudkan mahkamah untuk menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah.
Mahkamah tersebut dikenali sebagai

A Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah
B Mahkamah Agung Sarawak dan Sabah
C Mahkamah Tinggi Borneo
D Mahkamah Anak Negeri

- 25 Gambar berikut adalah Yang di-Pertuan Agong Malaysia.




Apakah kedudukan baginda seperti termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan.

- A Ketua Utama Negara
B Ketua Anak Negeri
C Ketua Hakim
D Ketua SPRM
- 26 Fungsi Dewan Undangan Negeri adalah untuk
- A Menggubal undang-undang di Parlimen
B Mentafsir undang-undang yang digubal di Parlimen
C Menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing
D Melaksanakan kuasa eksekutif pada peringkat Persekutuan

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



- 27 Apakah badan yang menyelaraskan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) dalam negara kita?
- A Badan Pemantau Pertahanan
 - B Majlis Keselamatan Negara
 - C Jawatankuasa RASCOM
 - D ESSCOM
- 28 Apakah majlis yang ditubuhkan untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?
- I Majlis Tanah Negara
 - II Majlis Kewangan Negara
 - III Majlis Khazanah Nasional
 - IV Majlis Persekutuan Negeri
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 29 Rajah menunjukkan dialog dari Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara.



Sir Malcolm MacDonald

Apakah maksud **Dekolonisasi** yang dimaksudkan oleh pegawai di atas?

- A Kebebasan bersuara
- B Menamatkan darurat
- C Kuasa autonomi negeri
- D Proses berkerajaan sendiri

30 Bagaimanakah kedudukan bumiputera di Sarawak dan Sabah selepas pembentukan Malaysia?

- A Diterima sebagai rakyat
- B Mendapat sokongan kewangan
- C Dilantik dalam pentadbiran awam
- D Pengiktirafan sama seperti orang Melayu

31 Kempen berikut dilancarkan oleh Lee Kuan Yew.

Malaysian Malaysia

Mengapakah kempen tersebut menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat?

- A Kuasa rakyat disekat
- B Tuntutan hak sama rata
- C Ancaman komunis meningkat
- D Kemerdekaan negara tergugat

32 Bagaimanakah kerajaan mengatasi kadar pengangguran yang meningkat dalam tahun 1970-an?

- A Menyekat kemasukan pekerja luar negara
- B Memberikan kenaikan gaji yang bersesuaian
- C Penubuhan pusat latihan vokasional dan teknikal
- D Menawarkan pekerjaan dalam perkhidmatan awam

33 Dasar Pembangunan Ekonomi berikut dibentuk untuk mencapai kemakmuran ekonomi.

- Dasar Ekonomi Baru
- Dasar Pembangunan Nasional

Siapakah golongan masyarakat yang menjadi sasaran di bawah dasar tersebut?

- A Masyarakat luar bandar
- B Golongan peribumi
- C Masyarakat bandar
- D Golongan imigran

- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan akta yang telah diperkenalkan di Malaysia.

Akta 32




- Diperkenalkan pada tahun 1967
- Digubal di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Apakah isu yang ditekankan dalam akta tersebut?

- A Perpaduan kaum
- B Penguasaan Bahasa Kebangsaan
- C Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka
- D Pengamalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- 35 Antara berikut, tokoh manakah yang melancarkan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) pada 17 Jun 1991?
- A Tun Abdul Razak Hussein
- B Tun Dr. Mahathir Mohamad
- C Datuk Seri Najib Tun Razak
- D Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi
- 36 Mengapakah kerajaan mendorong sektor swasta menempatkan semula kilang tambahan di negeri yang kurang maju?
- A Meningkatkan taraf hidup rakyat
- B Membangunkan pelbagai infrastruktur
- C Memudahkan pemberian bantuan subsidi
- D Menyumbang kepada pembangunan wilayah

- 37 Apakah matlamat Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel di Kuala Lumpur 1989?
- A Menyelesaikan kes jenayah
 - B Meningkatkan perpaduan kaum
 - C Membincangkan isu antarabangsa
 - D Mempertahankan kedaulatan negara kecil
- 38 Apakah cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam memperkukuh dasar luar?
- I Keselamatan negara
 - II Pembangunan ekonomi
 - III Kepentingan negara luar
 - IV Permintaan rakyat tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 39 Peta menunjukkan kawasan Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga.



Lingkungan kawasan IMT-GT

Apakah tujuan kawasan lingkungan tersebut diwujudkan?

- A Mendapatkan keuntungan bersama
- B Memudahkan kawasan keselamatan
- C Melindungi pasaran kawasan ASEAN
- D Membendung jenayah merentasi sempadan

- 40 Maklumat berikut prinsip negara ASEAN berkaitan krisis jerebu.

ASEAN Tanpa Jerebu 2020

Bagaimanakah prinsip tersebut dicapai?

- A Membentuk pasukan bomba negara ASEAN
- B Membentuk Jawatankuasa Pencemaran Serantau
- C Melarang pembakaran terbuka di negara ASEAN
- D Penyelidikan mencegah kebakaran tanah gambut

KERTAS SOALAN TAMAT